

CNS2150

U GB 07-01 00181 BB987

Bah

Mahathir - Bank

I

BANGI, 7 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta bank-bank supaya lebih cergas dan berusaha lebih gigih untuk membantu perusahaan-perusahaan baru.

Beliau berkata perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana yang baru muncul perlu diberi peluang untuk memulakan kegiatannya dan berkembang.

+Mereka adalah penghubung penting dalam dunia ekonomi negara,+ katanya semasa melancarkan program latihan mengenai +Penilaian Projek dan Pengurusan Analisis Risiko+ bagi pengurus-pengurus bank di Institut Latihan Pengurusan Petronas di sini.

Enam puluh orang pengurus daripada 49 pertubuhan termasuk dari beberapa negara Asean menghadiri program latihan tiga minggu itu yang dianjurkan oleh Kelab Harvard Malaysia, Institut Pembangunan Antarabangsa Harvard (HIID) dan Institut Bank-Bank Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pengurus-pengurus bank perlu sentiasa bersedia untuk +pergi lebih jauh+ bagi mencapai penyelesaian terhadap projek-projek yang dipertanggungjawabkan kepada mereka demi kepentingan bersama.

Katanya, tindakan mengambil harta atau prosiding muflis, seperti juga peperangan, tidak mungkin menjadi penyelesaian terbaik bagi kedua-dua belah pihak malah ianya mendatangkan lebih banyak keburukan kepada ekonomi. -- Lagi

♥07/01/13-32MST

R GB 07-01 00154 BB988

Bah •

Mahathir - Bank 2 Bangi

Perdana Menteri berkata sekiranya pengurus-pengurus bank tetap dengan cara mereka, tiada perkara baru yang boleh masuk dalam dunia perniagaan dan ekonomi akan menjadi beku malah akan mundur kerana sikap mereka yang konservatif walaupun biasanya mereka mengamalkan sikap berhati-hati.

Malah Datuk Seri Dr Mahathir berkata +mereka lebih bersikap terlalu berjaga-jaga dan tidak berapa setuju dengan perkara baru+.

Beliau berkata pengurus-pengurus bank perlu lebih cergas dan bersedia untuk menyediakan modal bagi projek-projek terpilih.

Beliau menyeru kalangan bank supaya sentiasa meningkatkan kemahiran penilaian dan teknik pengurusan dalam pemberian pinjaman dan dalam pengurusan pemuliharaan korporat khususnya.

Kejayaan memulihkan projek-projek yang tergendala akan membantu mengekalkan kumpulan usahawan negara yang terhad, mengembalikan kapasiti daya pengeluaran dan seterusnya membantu pertumbuhan ekonomi.

Beliau berkata usaha-usahawa juga perlu dibuat untuk menggalakkan industri baru khususnya yang mempunyai pemikiran baru dan inovatif.-- Lagi

♥07/01/13-57MST

R GB 07-01 00139 BB989

bah

Mahathir - Bank 3 Bangi

Perdana Menteri berkata dalam perniagaan, kejayaan tidak selalunya boleh dicapai dengan hanya mengulangi apa yang telah dibuat sebelum itu.

Ekonomi negara akan menjadi beku sekiranya tiada idea atau pendekatan baru dibuat terhadap perniagaan atau barang keluaran.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata adalah jelas bagi pengurus bank untuk berusaha lebih cergas dan menyediakan modal bagi projek-projek terpilih.

Katanya, setiap bank perlu mempunyai kemahiran untuk memilih projek-projek dan sentiasa memerhati perkembangan projek-projek yang mereka biayai.

Kerajaan, katanya, telah memperuntukkan \$250 juta di bawah Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) bagi menyediakan peluang-peluang sumber kewangan faedah rendah kepada golongan baru usahawan bumiputera.

Bagaimanapun, sehingga akhir November 1990 hanya \$21 juta telah diluluskan di bawah tabung itu untuk membiayai 127 projek baru, tambah beliau. -- Lagi

♥07/01/14-10MST

CNS2185

R GB 07-01 00165 BB990

bah

Mahathir - Bank 4 Bangi

Datuk Seri Dr Mahathir berkata dengan kedudukan ekonomi bertambah baik sekarang, seharusnya tidak ada kekurangan alasan yang munasabah dalam mengadakan perusahaan baru.

+Apa yang perlu ialah pengurus-pengurus bank mempunyai pandangan jauh dan wawasan selain daripada kemahiran untuk mengambil risiko dan mendidik usahawan-usahawan baru yang masih merangkak,+ tambahnya.

Perdana Menteri berkata kelambatan menggunakan wang tabung itu menunjukkan kekurangan golongan baru pengurus-pengurus bank ini daripada kekurangan usahawan-usahawan yang sedang meningkat maju.

+Kita harus berfikir bahawa resipi bagi kejayaan bergantung sepenuhnya kepada kemahiran profesional dan kecekapan teknikal, saya perlu menekankan bahawa ianya juga ciri-ciri yang penting dan dengan itu sahajapun ianya tidak mencukupi,+ katanya.

Beliau menegaskan para pengurus bank yang jujur dan berwibawa adalah perlu.

+Hasil usaha kita untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi dalam tiga dekad yang lepas akan menjadi sia-sia sekiranya kualiti-kualiti kemanusiaan yang baik tidak wujud di kalangan para pengurus bank, ahli perniagaan dan rakyat seluruhnya. -- Lagi

♥07/01/14-37MST

CNS2189

R GB 07-01 00094 BB991

bah

Mahathir - Bank 5 Bangi

Perdana Menteri berkata pengurus-pengurus institusi kewangan sebagai penggerak dan penjaga simpanan wang orang ramai dan saluran bagi kemajuan ekonomi negara seharusnya memperlihatkan tahap kewibawaan yang tinggi dan nilai-nilai kejujuran.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata akhlak yang baik merupakan ciri-ciri yang penting dalam bidang perniagaan.

+Ia tidak seharusnya diterima bahawa kejujuran merupakan pilihan akhlak yang penting dan akhlak dan perniagaan tidak boleh dicampur aduk,+ katanya.

Katanya, mereka yang mengamalkan urusan perniagaan yang baik selalunya akan maju. -- Bernama

♥07/01/14-49MST